

# “GILER” ATAU “GILE”: SLANGA KATA PENGUAT

(*“Giler” or “Gile”: Use of Slang Words as Intensifiers*)

Mary Fatimah Subet  
sufatimah@cls.unimas.my

Muhammad Zaid Daud  
zaid\_daud93@yahoo.com

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pengajian Komunikasi,  
Universiti Malaysia Sarawak,  
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

## Abstrak

Makalah ini bertujuan meninjau pemilihan ejaan “giler” ataupun “gile” yang kerap digunakan dalam slanga yang dijadikan sebagai kata penguat. Tinjauan dibuat untuk menentukan sama ada perkataan ini mendahului atau mengikuti kata adjektif dan berfungsi menguatkan maksud yang terkandung dalam kata atau frasa adjektif berkenaan. Data dikutip melalui temu bual secara rawak dan pengisian borang soal selidik oleh 360 orang responden secara dalam talian dengan aplikasi Google Forms. Kajian mendapati dua perkataan ini telah berfungsi sebagai slanga kata penguat yang sering digunakan, dan menjadi bahasa kebiasaan dalam pertuturan mahupun dalam penulisan tidak formal dalam kalangan masyarakat tanpa mengira umur, jantina, taraf pendidikan, pekerjaan mahupun etnik.

Kata kunci: kata penguat, slanga, bahasa dan linguistik, variasi bahasa

## Abstracts

*This article focuses on the use of the slang word “giler” or “gile” (lit.: mad, crazy) which has become common usage as an intensifier. The occurrence of this word, whether before or after adjectives, and its intensifying function in adjectival phrases, is examined. Data was collected through random interviews and online questionnaires. The*

*study reveals that these slang words are often used as intensifiers, and are commonly used both in spoken language and informal written communication by the public, regardless of age, gender, educational background, profession or ethnicity.*

*Keywords: intensifiers, slang, language and linguistics, language variation*

## **PENGENALAN**

Ragam bahasa Melayu lisan boleh diertikan sebagai percakapan sesama sendiri dalam suatu kelompok masyarakat. Daripada aneka ragam bahasa Melayu lisan inilah terbentuknya slanga yang dituturkan dalam masyarakat. Menurut Za'ba (1965), bahasa Melayu lisan ini dapat dibahagikan kepada dua jenis ragam iaitu, jenis “cakap mulut”, yang digunakan antara orang Melayu sesama Melayu, dan “bahasa pasar”, yang digunakan antara orang Melayu dengan kaum atau bangsa yang lain. Bahasa pasar ini menurut Za'ba (1965) diistilahkan sebagai “bahasa kacukan” kerana sememangnya sifat ragam bahasa ini mempunyai kacukan daripada bangsa yang berbeza contohnya, Cina dan India. Jenis “cakap mulut” pula ialah susunan gaya cakap mulut yang mudah, dengan menggunakan ayat ringkas dan membuat ringkasan kepada sesuatu perkataan. Cara ini sudah memadai untuk mendukung makna yang hendak disampaikan. Contohnya daripada perkataan berikut, *tidak, hendak, sudah, kakak* diringkaskan menjadi *tak, nak, dah* dan *kak*. Ragam cakap mulut ini telah menjadi kebiasaan dan digunakan oleh orang Melayu sebagai bahasa basahan atau bahasa yang digunakan sehari-hari tanpa memikirkan kegramatisan sesuatu ayat atau perkataan itu.

Bahasa Melayu pada dasarnya mempunyai pelbagai variasi dan ragam termasuklah, kata slanga. Menurut Asmah (2008a), slanga ialah kata dan frasa yang digunakan dalam situasi yang tidak formal dan tidak boleh dikatakan sebagai halus. Mhd. Amin (2000) pula, telah menyenaraikan sebanyak lima belas sebab wujudnya penggunaan bahasa slanga dalam kalangan kelompok masyarakat, iaitu: (1) untuk tujuan hiburan (suka-suka); (2) sebagai latihan untuk menguji kecerdasan, kemahiran atau kebolehan untuk menimbulkan suasana jenaka; (3) untuk menonjolkan diri sebagai perintis; (4) untuk memperindah pertuturan dan mewarnakan suasana supaya menjadi lebih mesra dan hidup; (5) untuk menarik perhatian

orang lain; (6) untuk mengelakkan “klise” atau tujuan penyingkatan tanpa menjejaskan makna; (7) untuk menggayakan bahasa; (8) untuk merumitkan sesuatu yang konkrit kepada yang abstrak, sesuatu yang bersifat jelas kepada yang samar-samar; (9) untuk mengurangkan suasana sugul dan kerisauan dalam perbualan; (10) untuk mengurangkan suasana yang sedih dan serius; (11) untuk tujuan bergurau senda; (12) untuk melicinkan sesuatu perhubungan sosial, (13) untuk mengakrabkan lagi persahabatan yang sedia terjalin; (14) untuk menunjukkan bahawa seseorang itu terdiri daripada satu aliran atau golongan kelas sosial yang sama; dan (15) untuk merahsiakan sesuatu agar orang lain tidak memahaminya.

Daripada 15 sebab wujudnya penggunaan bahasa slanga seperti pandangan Mhd. Amin (2000), dalam kalangan kelompok masyarakat ini, kajian ini memfokuskan faktor keempat, iaitu untuk memperindah pertuturan dan mewarnakan suasana supaya menjadi lebih mesra dan hidup. Hal ini dikatakan demikian kerana sesuatu percakapan menjadi tidak formal jika menggunakan bahasa slanga dalam pertuturan.

Kajian ini menganalisis kata “giler” ataupun “gile” sebagai slanga yang telah menjadi kebiasaan dalam pertuturan harian masyarakat. Kajian ini dijalankan secara talian menggunakan perisian Google Form. Sampel kajian dipilih berdasarkan secara rawak tanpa mengira jantina, umur, pekerjaan mahupun tempat tinggal. Walaupun slanga merupakan suatu bahasa yang dianggap tidak formal dan dituturkan oleh sesuatu kelompok masyarakat mahupun ahli kumpulan minoriti, namun menurut Siti Hajar (2009:79), penggunaan slanga ini boleh merebak daripada kumpulan asalnya hingga mewujudkan bahasa yang mudah untuk difahami. Penggunaan sesuatu slanga mampu melangkaui batas sosial, etnik, ekonomi dan kawasan geografinya.

Kata penguat tergolong di bawah pecahan kata tugas. Kata tugas merupakan perkataan yang tidak boleh menjadi inti bagi frasa endosentrik, iaitu, frasa nama, frasa kerja, dan frasa adjektif. Kata tugas ini hanya hadir dalam ayat, klausa, atau frasa yang mendukung tugas sintaksis tertentu sama ada sebagai penghubung, penerang, penentu, penguat, pendapan, pembantu, penegas, penafi, pemer, atau tugas yang lain (Nik Safiah *et al.*, 2010:249). Kata penguat pula merupakan kata yang mendahului atau mengikuti kata adjektif. Fungsinya adalah untuk menguatkan kata adjektif. Selain itu, kata penguat juga dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu kata penguat hadapan (contohnya: terlalu, paling dan agak), kata penguat belakang (misalnya: nian, sekali, benar dan betul) dan kata penguat

bebas (seperti: sungguh, amat dan sangat). Pengertian kata penguat ini diterima pakai sehingga hari ini. Namun, kajian ini mendapati terdapat kecenderungan dalam bahasa lisan mahupun tulisan menggunakan kata slanga “giler” atau “gile” untuk mengambil posisi kata penguat yang mendahului atau mengikuti frasa dan kata adjektif. Kata ini berfungsi menguatkan maksud yang terkandung dalam kata atau frasa adjektif.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Sebelum tinjauan lebih mendalam terhadap penggunaan kata “giler” atau “gile” ini, kajian ini mengemukakan dapatan soal selidik yang melibatkan responden. Penggunaan slanga kata penguat ini dilihat dalam pertuturan dan penulisan harian responden. Edaran soal selidik ini dibuat secara dalam talian dan rawak dengan menggunakan perisian Google Forms.

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian yang dijalankan ini berbentuk deskriptif. Mohd Yusof (1996) telah menyatakan bahawa kajian deskriptif merupakan kajian yang mengkaji peristiwa atau fenomena pada masa sekarang yang melibatkan penerangan, pemerhatian, analisis, perbandingan dan perkaitan. Kaedah soal selidik dijalankan untuk mendapatkan pemilihan ejaan “giler” ataupun “gile” yang digunakan dalam slanga yang dijadikan sebagai kata penguat ini. Penelitian dibuat untuk menentukan sama ada perkataan “giler” atau “gile” bersifat seperti kata penguat, iaitu mendahului atau mengikuti frasa atau kata adjektif, seterusnya berfungsi menguatkan maksud yang terkandung dalam kata atau frasa adjektif berkenaan. Penggunaan soal selidik dalam talian ini didapati menjimatkan kos dan juga memudahkan pihak responden menjawab soalan yang dikemukakan.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Menurut Mohd. Majid (1990), populasi dapat ditakrifkan sebagai satu set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran tertentu terhadap sekumpulan individu mahupun sesuatu objek. Dalam kajian ini, populasi seramai 320 orang responden, yang dilihat berdasarkan jantina, tahap pendidikan, pekerjaan dan juga umur yang berbeza. Sampel kajian pula ialah contoh daripada populasi dan sumber untuk mendapatkan data. Mohd. Majid (1990) menyatakan bahawa lebih besar peratusan sampel populasi adalah

lebih baik kerana penyelidik mempunyai seluruh individu atau semua objek dalam sesuatu populasi.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen yang dijalankan berbentuk soal selidik dalam talian menggunakan perisian Google Forms. Pemilihan soal selidik seperti ini sebagai instrumen kajian dapat memberikan maklum balas yang lebih tepat kerana responden tidak berhadapan dengan pengkaji semasa menjawab soal selidik. Menurut Mohd. Majid (1990), soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan. Penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan sampel kerana tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik. Responden bebas menyatakan pendapat sendiri untuk menjawab setiap soalan yang diberikan. Memandangkan tiada instrumen yang sedia ada boleh digunakan sebagai piawaian bagi mendapatkan data kajian ini, soal selidik ini dibina sendiri dengan mengambil kira demografi responden, pengetahuan responden terhadap kata penguat dalam bahasa Melayu dan juga ejaan kelaziman responden terhadap slanga “giler” mahupun “gile” ini.

### **Kajian Rintis**

*Kamus Dewan* (2012) mentakrifkan slanga sebagai kata yang bukan daripada golongan bahasa baku atau standard. Kata tersebut biasanya digunakan dalam percakapan tidak formal dan tidak boleh digunakan dalam penulisan atau keadaan yang formal. Walau bagaimanapun, akibat peredaran masa dan perkembangan teknologi ICT, penggunaan slanga semakin luas penggunaannya, terutamanya dalam kalangan remaja. Kajian lepas banyak menyentuh penggunaan slanga dalam kalangan remaja contohnya, Muhammad Salehudin (2008), Zuraidah (2009), dan Teo (1996) yang menumpukan remaja Melayu sebagai subjek kajian mereka. Kajian tentang slanga ini lebih memfokuskan makna eksplisit dan implisit bagi maksud sesuatu slanga itu seperti kajian Zuraidah, Gan, Eng dan Ahmad Harith Syah (2012) yang mengkaji penggunaan slanga remaja Melayu dan Cina, iaitu bentuk bahasa yang digunakan dalam interaksi lisan remaja serta memberikan gambaran penguasaan dan pengaruh dominan mereka terhadap bahasa melalui pembentukan istilah baharu untuk mewakili kelompok sosial mereka.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN


Rajah 1 menerangkan peratusan jantina, pekerjaan, tahap pendidikan dan umur responden yang terlibat dalam kajian soal selidik “Giler atau Gile”: Slanga Kata Penguat. Rajah 1a menunjukkan seramai 41 peratus atau 131 orang responden merupakan lelaki, manakala 59 peratus atau 189 orang merupakan responden perempuan yang jumlah bilangannya sebanyak 320 orang responden. Soal selidik ini melibatkan jantina lelaki dan perempuan kerana mungkin terdapat perbezaan penggunaan bahasa antara lelaki dengan perempuan. Perkara ini juga turut ditekankan oleh Asmah (2008:52b) melalui panduan pengutipan data daripada lelaki dan perempuan.

Rajah 1 (a, b dan c) menerangkan secara lengkap maklumat diri responden, iaitu dari segi jantina, pekerjaan, tahap pendidikan serta umur yang berbeza dalam penggunaan slang ini. Tujuannya adalah untuk mengesan penyebaran slang ini seperti yang dinyatakan oleh Siti Hajar (2009:79) bahawa penggunaan slang ini boleh merebak keluar daripada kumpulan asalnya sehingga mewujudkan bahasa yang mudah untuk difahami. Penggunaan slang mampu melangkaui batas sosial, etnik, ekonomi dan kawasan geografi penuturnya.


Jenis pekerjaan responden yang tertinggi dalam penggunaan slang terdiri daripada golongan pelajar yang mencatatkan sebanyak 55 peratus atau 176 orang responden dan diikuti oleh kakitangan kerajaan, iaitu sebanyak 22 peratus atau 71 orang responden. Sementara itu, pekerja swasta mencatatkan sebanyak 10 peratus atau 32 orang responden, penganggur sebanyak 7 peratus atau 23 orang responden, bekerja sendiri sebanyak 4 peratus atau 13 orang responden. Golongan pencen atau pesara mencatatkan penggunaan slang paling rendah yang turut serta dalam soal selidik, iaitu dua peratus atau lima orang responden sahaja.

Tahap pendidikan juga diambil kira dalam kajian ini. Merujuk Ahmad Nazri (2015), orang yang mempunyai pendidikan yang tinggi menggunakan laras bahasa yang berbeza daripada orang-orang yang tidak berpendidikan atau hanya mempunyai taraf pendidikan yang rendah. Pertuturan dan perbendaharaan kata antara kedua-dua golongan ini berbeza.


Peratusan paling tinggi dalam soal selidik ini merupakan golongan pelajar Ijazah Sarjana Muda yang mencatatkan peratusan 58 peratus, dan diikuti oleh pelajar diploma 20 peratus. Seterusnya, pelajar STPM atau yang setaraf mencatatkan 12 peratus, dan pelajar SPM sembilan peratus. Pelajar peringkat Ijazah Sarjana mencatatkan sebanyak enam peratus,



Rajah 1 a Peratusan jantina responden.



Rajah 1b Peratusan tahap pendidikan responden.



Rajah 1c Peratusan tahap umur responden.

diikuti dua peratus responden yang memiliki PhD. Satu peratus sahaja responden yang memiliki tahap pendidikan PMR dan ke bawah.

Lapisan umur yang berbeza juga dijangka menunjukkan kepelbagaian sesuatu bahasa, khususnya slanga. Menurut Muhammad Daud (2014), remaja merupakan golongan yang berada pada zaman peralihan antara kanak-kanak dengan dewasa. Pertumbuhan remaja pada peringkat umur 16 hingga 18 tahun menyebabkan mereka amat memerlukan teman-teman sama ada yang sama jenis atau berlainan jenis. Hal ini dapat dilihat melalui bilangan responden yang turut serta dalam soal selidik ini. Golongan remaja merupakan responden yang paling tinggi, iaitu mencatatkan 67 peratus, berumur 18 tahun sehingga 25 tahun. Seterusnya peringkat umur yang lain, 26 sehingga 33 tahun mencatatkan tujuh peratus, 34 sehingga 41 tahun lapan peratus, 11 peratus merupakan responden yang berusia dalam lingkungan 42 sehingga 49 tahun, dan sebanyak tujuh peratus merupakan responden yang berusia 50 tahun dan ke atas. Setiap data yang diperoleh daripada lapisan umur, tahap pendidikan, jenis pekerjaan serta perbezaan jantina ini penting untuk menghuraikan kesinambungan penggunaan slanga kata penguat “giler” dan “gile” ini.


Pengetahuan responden tentang kata penguat dalam bahasa Melayu juga penting dalam kajian ini kerana fokus utama ataupun inti dalam kajian ini adalah tentang kata penguat berbentuk slanga. Berdasarkan Rajah 2 dapat dilihat sebanyak 28 peratus responden sahaja tidak mengetahui atau tidak pernah mendengar istilah kata penguat dalam bahasa Melayu ini. Walau bagaimanapun, sebanyak 72 peratus responden yang terdiri daripada pelbagai jantina, umur, tahap pendidikan mahupun jenis pekerjaan mengetahui tentang adanya kata penguat dalam tatabahasa bahasa Melayu.

Menyentuh fokus utama kajian ini, iaitu kata “giler” atau “gile” sebagai kata penguat slanga, analisis dan perbincangan seterusnya dalam makalah ini dijuruskan untuk menjawab persoalan pertama, iaitu pemilihan ejaan sama ada “giler” ataupun “gile”. Berdasarkan pemilihan responden daripada soal selidik menggunakan aplikasi Google Forms didapati bahawa sebanyak 64 peratus responden menggunakan ejaan “giler” dalam pertuturan dan penulisan mereka. Sebanyak 36 peratus daripada responden menggunakan ejaan “gile”. Persoalan pemilihan ejaan terjawab, iaitu responden memilih ejaan “giler” daripada “gile”.

*Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2010:259-60) mengemukakan bahawa terdapat tiga jenis kata penguat, iaitu, kata penguat hadapan, kata




### Pengetahuan tentang Kata Penguat Bahasa Melayu



**Rajah 2** Menunjukkan peratusan pengetahuan responden tentang kata penguat dalam bahasa Melayu.

### Ejaan Kelaziman



**Rajah 3** Peratusan kelaziman ejaan “giler” atau “gile” yang digunakan oleh responden dalam pertuturan dan penulisan harian mereka sebagai suatu slanga kata penguat.

penguat belakang dan kata penguat bebas. Oleh itu, responden juga diminta untuk membina ayat daripada perkataan “giler” mahupun “gile” sebagai slanga kata penguat yang telah menjadi kelaziman dalam pertuturan dan penulisan harian mereka. Walau bagaimanapun, penulisan harian yang difokuskan dalam kajian ini bukanlah bermakna penulisan dalam

urusan rasmi mahupun situasi formal tetapi penulisan yang digunakan semasa menghantar sistem mesej singkat (SMS), perbualan mahupun penulisan aplikasi media sosial seperti facebook, WhatApps, WeChat, dan sebagainya. Sebagai contoh, (rujuk Rajah 4) penggunaan kata “giler” sudah menjadi kebiasaan penggunaannya di media sosial dan pengguna yang menggunakan aplikasi media sosial facebook.com ini seolah-olah menerima kehadiran kata ini sebagai kata penguat.

Didapati “giler” yang berfungsi sebagai kata penguat ini telah mengambil tempat kata penguat standard bahasa Melayu misalnya, *sangat*, *amat*, atau *paling* yang merupakan kata yang mendahului atau mengikuti kata adjektif. Didapati fungsi kata “giler” ini adalah sama seperti fungsi kata penguat standard bahasa Melayu berkenaan. Kajian mendapati ayat



**Rajah 4** Menunjukkan penggunaan slanga kata penguat hadapan, iaitu “giler” pada status media sosial yang popular, iaitu *facebook.com* (Sumber: Gambar Koleksi Rizal Hakimm, 2016).

ini “Pulau Harimau, Mersing... *giler* cantik!!!!” memperlihatkan struktur ayatnya. Suatu ayat yang gramatis haruslah mengandungi subjek dan predikat, dan seterusnya konstituen subjek dan predikat dilihat terbentuk dalam frasa tertentu. Sebagai contoh, frasa subjek dalam ayat dasar terdiri daripada frasa nama, manakala, frasa predikatnya terdiri daripada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama (Goay, dan Zainuddin, 2011:193). Sehubungan dengan itu, binaan ayat yang terdiri daripada subjek dan predikat ini akan menghasilkan empat pola ayat dasar.

- i. Frasa Nama (FN) + Frasa Nama (FN) = (FN+FN)
- ii. Frasa Nama (FN) + Frasa Kerja (FK) = (FN+FK)
- iii. Frasa Nama (FN) + Frasa Adjektif (FA) = (FN+FA)
- iv. Frasa Nama (FN) + Frasa Sendi Nama (FSN) = (FN+FSN)

Untuk kajian ini, pengkaji mengambil pola ayat dasar yang ketiga, iaitu frasa nama (FN) + frasa adjektif (FA) = (FN+FA) dengan merujuk analisis ayat ini.

Pulau Harimau, Mersing sebagai (FN) + *giler* cantik!!!! sebagai (FA) = Pulau Harimau, Mersing... *giler* cantik!!!! (FN+FA)

Kata cantik merupakan kata adjektif yang merujuk pemandangan atau tempat yang indah, atau sedap untuk mata memandang. Untuk menguji kata adjektif haruslah diletakkan kata penguat di hadapan mahupun di belakang kata adjektif tersebut. Ayat tersebut jelas menunjukkan kata “*giler*” telah mengambil tugas kata penguat hadapan, iaitu *terlalu*, *paling*, *agak*, *makin*, *kurang* dan *cukup*.

Status Rizal Hakim (2016) di facebook.com ini telah menarik 3256 orang pengguna di facebook untuk *like*/suka tentang statusnya itu, 144 komen dan seramai 2108 orang pengguna facebook untuk berkongsi status beliau mengenai kecantikan alam semula jadi di Pulau Harimau, Mersing berserta gambar, dengan hanya menulis ayat ini “Pulau Harimau, Mersing... *giler* cantik!!!!”. Peranan media sosial sangat besar kepada masyarakat dalam menyampaikan maklumat, memberi dan mencadangkan suatu isu. Didapati, slanga kata penguat “*giler*” ini telah menjadi kebiasaan dalam pertuturan dan penulisan harian masyarakat di

Malaysia hari ini, tanpa mengira lapisan umur, tahap pendidikan, jenis pekerjaan serta perbezaan jantina. Mereka tidak menyedarinya sahaja.

Untuk analisis seterusnya, pengkaji menggunakan salah satu contoh yang diberikan oleh responden yang menggunakan slanga “giler” yang berfungsi sebagai kata penguat belakang. Ayat tersebut adalah seperti yang berikut:

- (a). Penghantaran makanan dekat hotel tu sebagai (FN)+ lambat *giler* sebagai (FA) = Penghantaran makanan dekat hotel tu lambat *giler*. (FN+FN)

Ayat ini menunjukkan bahawa kata “giler” ini mampu mengambil tugas kata penguat belakang, iaitu *sekali*, *benar*, *betul*, dan *nian*. Hal ini juga dapat membuktikan bahawa kata “giler” sebagai suatu slanga kata penguat ini mampu berdiri sebagai kata penguat bebas dalam bahasa Melayu seperti kata penguat bebas standard bahasa Melayu yang terdiri daripada, *amat*, *sangat*, dan *sungguh*. Nik Safiah *et al.* (2013:260) mengatakan bahawa kata penguat bebas kedudukannya bebas, iaitu sama ada di hadapan atau di belakang kata adjektif. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat keistimewaan pada kata “giler”. Kata penguat slanga ini turut berfungsi sebagai kata penguat bebas berdasarkan keseimbangannya, kerana boleh hadir di hadapan mahupun di belakang kata atau frasa kata adjektif.

## KESIMPULAN

Slanga sebagai kata penguat suatu kajian yang jarang diberikan perincian oleh ahli linguistik khususnya dalam bidang morfologi dan sintaksis. Kajian ini merupakan kesinambungan perspektif ragam bahasa oleh Za‘ba (1965) dalam bukunya *Ilmu Mengarang Melayu*. Kajian ini mendapati bahawa pertuturan dan penulisan harian dalam SMS dan media sosial membentuk slanga dan digunakan oleh masyarakat tanpa mengira umur, jantina, etnik, tahap pendidikan serta pekerjaan, dan tanpa mengira kegramatisan dalam tatabahasa. Makalah ini telah menjawab persoalan yang pertama, iaitu, (a) pemilihan ejaan sama ada ejaan “giler” mahupun “gile” dalam slanga kata penguat yang telah diaplikasikan melalui dapatan kajian soal selidik secara dalam talian. Dengan itu, telah mendapati sebanyak 64 peratus responden yang telah menggunakan ejaan “giler”

dalam kelaziman pertuturan dan penulisan mereka. Pemilihan ejaan slanga kata penguat “giler” ini mampu menjadi rujukan kepada ahli linguistik lain tentang penggunaan istilah khusus ini bagi menggambarkan kata penguat. Walaupun hanya sebagai suatu slanga namun, kata “giler” ini mendukung tugas sebagai kata penguat seperti yang terdapat dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2010:259-260).

Inti persoalan kedua bagi makalah ini ialah (b) membincangkan perkataan ini yang mendahului atau mengikuti frasa atau kata adjektif dan berfungsi menguatkan maksud yang terkandung dalam kata atau frasa adjektif. Berdasarkan dapatan kajian tersebut jawapannya adalah benar, kerana responden mampu membina suatu ayat yang gramatis dan mematuhi pola ayat dasar dalam bahasa Melayu walaupun, kata “giler” itu hanyalah slanga namun, masih mampu berdiri sebagai suatu slanga kata penguat bebas. Tutur harian dan dalam penulisan responden tentang penggunaan kata “giler” ini telah memberikan jawapan kepada persoalan kajian ini.

## RUJUKAN

- Ahmad Nazri, 2015. Tugas hbm13403 linguistik dan sosiolinguistik [PDF document]. Retrieved from <http://www.slideshare.net/hajimeTMasia/tugas-hbm13403-linguistik-dan-sosiolinguistik> (capaian 16 Mei 2015).
- Asmah Haji Omar, 2008a. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2008b. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goay Teck Chong, Choo Say Tee, dan Zainuddin Ahmad, 2011. *Longman teks Pra-U STPM Bahasa Malaysia Kertas 1*. Edisi Pertama. Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Kamus Dewan*, 2010. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mhd. Amin Arshad, 2000. “Bahasa Slanga: Pembentukan dan Ciri-Cirinya” dlm. *Monograf Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu*. Serdang, Selangor: UPM.
- Mohd Majid Konting, 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof Arshad, 1996. *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*. Skudai UTM.
- Muhammad Daud. “Remaja dan Bahasa Slanga” dlm. *Sinar Online* capaian daripada <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/remaja-dan-bahasa-slanga-1.245848>, 30 Januari 2014.

- Muhammad Salehudin Aman, 2008. *Mari Kita Berbahasa*. Seri Kembangan, Selangor: Citra Kurnia Enterprise.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood, 2010. *Tatabahasa Dewan*. Edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdok Hamid Mahmood, 2013. *Tatabahasa Dewan*. Edisi ketiga. Kuala Lumpur, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rizal Hakimm. Pulau Harimau, Mersing...Giler CANTIK!!!! [Foto]. <http://www.facebook.com/rizalhakimm.kl?fref=ts> (capaian 13 Februari 2016).
- Siti Hajar Abdul Aziz, 2009. *Siri Pendidikan Guru Bahasa Melayu II*. Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Teo Kok Seong. "Slanga: Satu fesyen pertuturan" dlm. *Pelita Bahasa* 8:4, 1996.
- Za'ba, 1965. "Ilmu Mëngarang Mëlayu: Bagi Përgunaan Guru2 dan Murid2 Darjah Tinggi di-Sëkolah Mënëngah dan Pënuntut2 di-Maktab Latehan Guru". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zuraidah Mohd Sulaiman, Gan Kiat Chien, Eng Sze Boon dan Ahmad Harith Syah Md Yusuf, 2012. "Slanga Remaja Melayu dan Cina: Analisis Awal Berdasarkan Teori Relevan". Kertas kerja International Conference On Arts, Social Sciences, and Technology (ICAST2012).

Diperoleh (*received*): 22 April 2016

Diterima (*accepted*): 17 Oktober 2016